

PLANMalaysia

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa



ڤروڤرڤم ڤوبليسيڤي دان ڤيرٲان عوام

Program Publisiti dan Penyertaan Awam

DRAF RANCANGAN TEMPATAN

DAERAH RAUB, PAHANG 2035 (PENGGANTIAN)

22 SEPTEMBER 2021
SEHINGGA
21 OKTOBER 2021



RAUB
BANDAR DURIAN MUSANG KING



PERANAN ANDA

Semakan Laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian) bermula pada **22 September 2021 sehingga 21 Oktober 2021 (Hari Bekerja)** di lokasi-lokasi sepertimana berikut :

LOKASI SEMAKAN TETAP

MAJLIS DAERAH RAUB (RUANG LEGAR)

27600 Raub,
Pahang Darul Makmur

PLANMalaysia@Pahang (RUANG LEGAR)

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang)
Tingkat 4, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota,
25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur

SEMAKAN ATAS TALIAN (ONLINE)

LAMAN WEB RASMI PLANMalaysia (e-Publisiti 2.0)

<http://epublisiti.townplan.gov.my>

LAMAN WEB RASMI PLANMalaysia@Pahang

<http://jpbp.pahang.gov.my>

LAMAN WEB RASMI MAJLIS DAERAH RAUB

www.mdraub.gov.my

PANDANGAN, CADANGAN DAN MAKLUMBALAS JUGA BOLEH DIKEMUKAKAN MELALUI BORANG MAKLUMBALAS DAN BANTAHAN AWAM SETERUSNYA MENGEMBALIKAN KEPADA ALAMAT SEPERTIMANA BERIKUT :

YANG DIPERTUA

Majlis Daerah Raub,
27600 Raub, Pahang Darul Makmur

ATAU

PENGARAH

PLANMalaysia@Pahang
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang)
Tingkat 4, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota,
25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Bantahan atau Cadangan
juga boleh disalurkan
melalui imbasan KOD QR



APA ITU RT (PENGGANTIAN)

Merupakan satu dokumen perancangan guna tanah dan fizikal yang mengandungi Peta Cadangan Guna Tanah dan Pernyataan Bertulis yang disokong dengan pelan subjek dan garis panduan pembangunan yang disediakan selaras dengan peruntukan Subsekyen 16 (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

PERUNTUKAN AKTA

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) boleh pada bila-bila masa membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau **PENGGANTIAN** suatu rancangan tempatan.

KEPENTINGAN DAN KEPERLUAN RT DAERAH RAUB, PAHANG 2035 (P)

- 1 Dasar Pembangunan**
Menterjemah dasar-dasar terkini peringkat Nasional, peringkat Negeri Pahang dan peringkat tempatan. Antaranya RFN4, DPN2, DPFPN dan RSN Pahang 2050.
- 2 Tekanan Pembangunan**
Mengkaji tekanan pembangunan semasa dan masa hadapan di kawasan bersebelahan terutamanya limpahan daripada pembangunan konurbasi Lembah Klang dan potensi Daerah Raub sebagai Bandar Transit dan pintu masuk (gateway) ke Pantai Timur dan Negeri Perak.
- 3 Infrastruktur Berskala Besar**
Mengkaji potensi kesan gandaan projek infrastruktur berskala besar seperti pembinaan laluan Central Spine Road (CSR) terhadap pembangunan ekonomi setempat.
- 4 Lalu Lintas**
Meningkatkan keupayaan dan keberkesanan sistem pengurusan lalu lintas di pusat Bandar Raub kerana jalan sedia ada pada masa kini telah beroperasi melebihi tahap keupayaan sebenar.
- 5 Sumberjaya Pelancongan**
Memaju dan mempromosikan sumberjaya pelancongan Daerah Raub untuk meningkat agro-pelancongan (Durian Musang King) dan eko-pelancongan (lata/jeram, Bukit Fraser, dan Gunung Benum) ke peringkat yang lebih tinggi.
- 6 KSAS dan Geo-Bencana**
Memelihara dan melindungi Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan *Special Management Area (SMA)* melalui pengurusan kawasan tanah tinggi, pengenalpastian kawasan risiko geo-bencana, aktiviti eko-pelancongan, perhutanan dan pertanian yang mampan

WAWASAN

Daerah Raub sebagai 'Lembah Agro Lestari 2035'

OBJEKTIF

- 1 Mengkaji semula dan memperincikan peta cadangan dan cadangan-cadangan pembangunan selaras dengan cadangan-cadangan projek infrastruktur dan pengangkutan yang berimpak tinggi agar selari dengan pembangunan semasa Daerah Raub.
- 2 Mengkaji semula peta cadangan guna tanah di dalam Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang 2015 dan cadangan pembangunan fizikal untuk tujuan penilaian analisis *outcome* supaya terkawal dan sentiasa memelihara alam sekitar.
- 3 Menyelaras dan menilai semula pembangunan guna tanah dan fizikal Daerah Raub agar aktiviti yang dilaksanakan tidak mendatangkan risiko bencana yang berimpak tinggi

PROFIL DAERAH RAUB

Unjuran Penduduk 2020 - 2035

108,940 orang (2020)
136,600 orang (2035)



Sumber : Draf RT Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian)

TERAS PERANCANGAN

Fokus Strategik

40
PROJEK

PROJEK :
15 Projek Berimpak Tinggi (HIP)
13 Projek *Quickwins*
12 Projek Sokongan

Manifestasi Teras 1

**PENGUKUHAN
EKONOMI DAN
PENINGKATAN
KEMAKMURAN**

37
PROJEK

PROJEK :
10 *Quickwins*
27 Sokongan

Manifestasi Teras 2

**PERANCANGAN SPATIAL
INFRASTRUKTUR DAN
ALAM SEKITAR MAMPAN**

27
PROJEK

PROJEK :
27 Sokongan

Manifestasi Teras 3

**REKABENTUK BANDAR
MAMPAN, PEMBANGUNAN
KOMUNITI SEJAHTERA
DAN INKLUSIF**

26
PROJEK


PROJEK :
26 Sokongan

Manifestasi Teras 4

URUS TADBIR EFEKTIF DAN EFISIEN



PETA CADANGAN GUNA TANAH DAERAH RAUB 2035



KELUASAN DAERAH RAUB 226,891.00 HEKTAR

KELUASAN TEPU BINA 8,723.58 HEK. 3.84 %

KELUASAN BUKAN TEPU BINA 218,167.42 HEK. 96.16 %

Sumber : Draf RT Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian)

5 PERMATA RAUB (RAUB 5 GEMS)



PERMATA 1
Durian Musang King



PERMATA 2
Bukit Fraser

Warisan Tanah Tinggi, Warisan Alam, Pusat Aktiviti Bird Watching, Biodiversity Centre.



PERMATA 3 (POTENSI)

Cadangan Projek Geopark Benum

Cadangan Projek Geopark Benum dan *High Conservation Value Forest* (HCVF) di HSK Benum



PERMATA 4
Bandar Raub

Raub Bandar Agro Warisan dan Bandar Warisan Perlombongan (menjadi hentian utama CSR)



PERMATA 5
Eko-Pelancongan

Rafflesia (Bunga Pakma), Kepelbagaian Spesis Flora dan Fauna, Taman Eko Rimba dan Resort Bertaraf Antarabangsa.